

Tukar parti atas sebab kukuh

PETALING JAYA 4 Okt. - Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, terserah sepenuhnya kepada ahli Parlimen jika mereka mahu menukar parti politik, tetapi mesti dilakukan atas sebab yang kukuh.

Perdana Menteri berkata, perbuatan melompat parti boleh diterima jika mereka merasakan tidak boleh menyumbang kepada kerajaan atau parti mereka sekarang.

“Jika anda mengetengahkan diri anda sebagai ahli sesebuah parti dan disebabkan itu mungkin anda menang, dan selepas itu anda lompat (parti), itu bukanlah setia kepada janji anda sendiri.

“Bagaimanapun, sebaliknya, apabila berhadapan den-

gan kerajaan yang benar-benar lemah dan anda tidak boleh melompat parti serta terpaksa terus kekal dengan kerajaan, saya fikir ia tidak akan menyumbang kepada tadbir urus yang baik,” katanya dalam sesi soal jawab Persidangan Perlembagaan dan Peraturan Perundangan LAWASIA di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya sama ada kerajaan mempunyai sebarang cadangan untuk memperkenalkan undang-undang anti-melompat parti.

Beliau menegaskan, cita-cita peribadi tidak seharusnya dijadikan sebab untuk melompat parti.

“Bukan sebab anda dapati diri anda rapat dengan perdana menteri, anda berke-

mungkinan menjadi seorang menteri. Jika itulah sebabnya anda melompat parti, itu tidak bagus,” katanya.

Kepada soalan lain berkaitan perpaduan nasional, Dr. Mahathir berkata, pemupukan perpaduan perlu bermula sejak di peringkat sekolah dan kerajaan pernah mencadangkan supaya sekolah kebangsaan mempunyai tiga kaum utama di bawah satu bumbung tetapi cadangan itu ditolak.

“Adalah penting untuk mempunyai sistem nilai yang baik, terapkannya pada usia yang masih muda (Tetapi) ia sukar kerana kita telah menerima bahawa kaum yang berlainan perlu berada di sekolah yang berlainan,” ujarnya.